

01/08/1998

PM lancar Kembara 24 Ogos

KEMBARA, kenderaan pacuan empat roda (4WD) nasional pertama keluaran Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (Perodua), akan dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 24 Ogos ini.

Pelancaran itu akan diadakan serentak dengan pengenalan logo korporat baru pengeluar kereta nasional kedua terbabit.

Jurucakap Perodua berkata, harga tidak rasmi kenderaan 4WD 1.3 liter itu adalah di antara RM43,000 dan RM52,000 seunit.

Reka bentuk kenderaan itu berasaskan model 4WD Terios keluaran Daihatsu yang kini berada di pasaran Jepun.

"Buat permulaan Perodua akan mengeluarkan satu model 4WD yang mempunyai tiga variasi," katanya, semalam.

Perodua kini mengeluarkan kereta di bawah 1,000 cc (Kancil) dan kenderaan pelbagai guna (MUV) - van Rusa 1.3 liter dan 1.6 liter.

(END)